

Pas' dianggap sisa masyarakat Melayu kekalkan pemikiran lama

UM 21 JUN 2003

KUALA LUMPUR 20 Jun — Pas dianggap sisa masyarakat Melayu yang mengekalkan pemikiran lama dan masih tidak dapat menerima sebarang perubahan dan pembaharuan yang dibawa oleh UMNO di negara ini.

Pengerusi Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, sikap itu diburukkan lagi apabila golongan minoriti itu memutarbelitkan ayat suci al-Quran yang bertujuan memecahbelahkan orang Melayu.

Serentak itu tegas beliau, UMNO perlu memerangi habis-habisan golongan minoriti tersebut yang memeralatkan Islam supaya orang Melayu terus hidup tanpa sebarang kemajuan.

“Pas bertanggungjawab memecahbelahkan umat Islam. Jika ada perpecahan Melayu atau terjadi apa-apa kepada kita, jari perlu ditudingkan kepada Pas,” katanya ketika membawa usul terima kasih terhadap ucapan dasar Presiden di sini hari ini.

Adnan berkata, singkatan paling tepat bagi Pas bukan Parti Islam Se-Malaysia tetapi ialah Parti Ajaran Sesat yang sesuai dengan peranan parti itu yang memutarbelitkan ajaran Islam.

Menurut beliau, dengan memutarbelitkan ayat-ayat al-Quran, akidah seagelintir umat Islam di negara ini semakin terpesong daripada ajaran sebenar.

“Dalam satu kes di Pahang, seorang ketua cawangan UMNO masuk Pas dan membuat kenyataan bahawa hidup dan matinya adalah unuk Pas,” katanya.

Kenyataan seumpama itu, jelasnya, boleh mero-

sakkan akidah apabila Islam mahukan umatnya mengamalkan ajaran al-Quran dan sunnah dalam kehidupannya.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua ahli UMNO bekerja keras untuk mengalahkan Pas pada pilihan raya akan datang yang dianggap sebagai ancaman paling besar kepada umat Islam di negara ini.

Kejayaan

Selain memutarbelitkan ajaran Islam, tegas beliau, Pas tidak pernah mengakui kejayaan negara dan kebolehan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang diperakui dunia.

“Sedang pakar-pakar ekonomi dan pemimpin dunia mengagumi pemikiran Dr. Mahathir, Pas sanggup menafikannya disebabkan sikap ego mereka,” katanya.

Ahli-ahli Pas, tambah beliau, mungkin menyedari kebenaran selepas Dr. Mahathir tidak ada lagi di dunia ini.